

### Apakah dia E-CAS?

E-CAS yang bermaksud 'Eletronic Current Awareness Service' merupakan satu perkhidmatan kesedaran semasa mengenai penerimaan terbaharu bahan perpustakaan. Ia merupakan saluran utama Perpustakaan menghebahkan sebarang berita berkaitan perpustakaan dan maklumat yang terkandung di dalamnya.

### Bilakah E-CAS diperkenalkan?

E-CAS mula diperkenalkan kepada Direktorat dan semua kakitangan FRIM pada November 1997.

### Apakah matlamat E-CAS?

Matlamat E-CAS adalah untuk melahirkan satu kumpulan masyarakat yang bermaklumat terkini dalam bidang perhutanan. Ia juga diharap dapat meningkatkan penggunaan bahan-bahan perpustakaan dan di masa yang sama menjadikan penggunaan perpustakaan sebagai satu budaya hidup.

### Apakah yang terkandung dalam E-CAS?

Banyak, antaranya maklumat berkaitan :

*Articles:* Senarai yang memuatkan semua artikel yang berkaitan perhutanan dan industri berasaskan hutan yang

terkandung dalam setiap terbitan bersiri yang diterima perpustakaan.

*FRIM Papers:* Senarai penulisan kakitangan FRIM yang dihantar oleh kakitangan ke perpustakaan dari masa ke semasa.

*New Books:* Setiap buku baharu yang telah siap diproses dan sedia untuk pinjaman akan dimuatkan dalam E-CAS.

*Newspapers:* Ini pula merupakan tajuk-tajuk berkaitan dengan perhutanan daripada empat akhbar harian. Ia juga mengandungi tajuk berita umum yang perlu diketahui oleh semua pengguna, terutamanya berkaitan perjawatan.

*Highlight:* Dari masa ke semasa jurnal yang terdapat di perpustakaan akan diulas kandungannya bagi meningkatkan penggunaan jurnal tersebut di samping mendedahkan kewujudan jurnal tersebut di Perpustakaan bagi pengguna yang belum pernah menggunakannya.

### Bagaimana E-CAS disalurkan ?

E-CAS disalurkan kepada pengguna dengan menggunakan emel dan dialamatkan kepada [frim\\_ro@frim.gov.my](mailto:frim_ro@frim.gov.my). Oleh yang demikian, pengguna akan menerima maklumat tersebut secara emel.

### Apakah kekerapan E-CAS disalurkan?

Kekerapan E-CAS disalurkan bergantung kepada maklumat terkini yang diterima perpustakaan. Perpustakaan berhasrat untuk menyalurkan E-CAS sekurang-kurangnya 30 kali setahun.

### Siapakah pengguna E-CAS sekarang?

Pengguna utama E-CAS sekarang ialah pegawai penyelidik FRIM. Maklumat yang disalurkan menggunakan E-CAS ini bertujuan untuk membantu penyelidikan yang dilakukan oleh FRIM .

### Adakah perlu mendaftar untuk menerima E-CAS?

Tidak. Mengakses E-CAS tidak perlu pendaftaran. E-CAS akan diemelkan secara automatik kepada semua pegawai penyelidik FRIM sekiranya terdapat artikel yang berkaitan.

**Saya jarang menggunakan emel. Masihkah ada harapan untuk saya untuk menerima E-CAS?**

Ya, pengguna masih berpeluang menerima E-CAS melalui internet iaitu dengan melayari laman web FRIM di [www.frim.gov.my](http://www.frim.gov.my) dan seterusnya klik kepada laman web perpustakaan. Setiap E-CAS yang disalurkan disimpan dalam "information alert"

**Saya terpadam emel E-CAS yang diterima. Adakah cara untuk saya merujuk kembali E-CAS terbaru dan terdahulu?**

Ya, pengguna mempunyai beberapa pilihan. Pertama dengan merujuk kepada laman web perpustakaan dan klik kepada perkataan "*Information Alert*". Kedua dengan merujuk kepada fail R/LIB/7/1/3 yang terdapat di Perpustakaan. Dan ketiga dengan menggunakan OPAC (Online Public Access Catalog) dan menggunakan kata kunci "artikel". Opac menyimpan semua maklumat bibliografik E-CAS.



***"Kunjungilah Perpustakaan  
Anda Hari Ini"***

**\*Sebarang bentuk pertanyaan sila  
hubungi kami di talian 7497, 7532 dan  
7503**



**PERPUSTAKAAN  
FRIM**

**E-CAS**

### **PENGENALAN**

Perpustakaan dari masa ke semasa mengutarakan pembaharuan dalam bentuk perkhidmatan kepada pengguna bagi memastikan pembaikan berterusan dilakukan. Salah satu perkhidmatan yang telah diperkenalkan bertujuan untuk memaklumkan pengguna mengenai informasi terkini ialah E-CAS.